

## **HARI PERKABUNGAN NEGARA: PELAPORAN MUKA HADAPAN MEDIA CETAK DI MALAYSIA**

**Sulaiman Salleh<sup>1</sup>, Rahmahtunnisah Hj. Sailin<sup>2</sup>, Mohd Daly Daud<sup>3</sup>,**  
**Zulkefli Hj. Aini<sup>4</sup>, Muhammad Subari Ramli<sup>5</sup>, Maffuza Salleh<sup>6</sup>, & Khairiamri Ahmad<sup>7</sup>**

<sup>12356</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

<sup>4</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>7</sup> Jabatan Mufti Selangor

[sulaiman@kuis.edu.my](mailto:sulaiman@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Buat kali pertama dalam sejarah Malaysia, rakyat biasa diberikan penghormatan dalam acara yang dinamakan ‘Perkabungan Negara’, apabila jenazah dan mendiang rakyat negara ini yang menjadi mangsa tragedi MH17, tiba ke negara ini untuk urusan pengkebumian. Pesawat milik Malaysia Airlines System (MAS) itu terhempas selepas ditembak jatuh di timur Ukraine. Kejadian yang berlaku itu memberi kesan yang hebat kepada masyarakat Malaysia kerana pada 8 Mac tahun yang sama, negara telah digemparkan dengan kehilangan pesawat MH370 yang sehingga kini masih belum ditemui. Tragedi yang menimpa kedua-dua pesawat Malaysia Airline itu memberi kesan yang mendalam kepada negara. Pada masa itu, mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengisytiharkan hari berkenaan sebagai Hari Perkabungan Negara. Pesawat khas yang membawa 17 keranda dan tiga bekas abu mayat yang berlepas dari Amsterdam pada 21 Ogos 2014 tiba di KLIA pada pagi 22 Ogos 2014. Kertas kerja ini akan membincangkan amalan lima buah surat khabar utama di Malaysia semasa Hari Perkabungan Negara pada 22 Ogos 2015 berkabung dengan membuat analisa muka hadapan Berita Harian, Utusan Malaysia, The Star, Sinar Harian dan Harakah.

**Kata kunci:** Perkabungan, Media Cetak, muka hadapan surat khabar.

### **PENGENALAN**

Pada 17 Ogos 2014, dunia dikejutkan dengan tragedi MH17. Agensi berita Interfax di Moscow mendakwa pesawat itu terhempas selepas ditembak jatuh di timur Ukraine. Susulan daripada kejadian itu, ia memberi kesan yang hebat kepada masyarakat Malaysia kerana sebelum itu, pada 8 Mac 2014, digemparkan dengan kehilangan pesawat MH370, yang dalam penerbangan dari Kuala Lumpur International Airport (KLIA) ke Beijing, China. Pesawat MH370 dikatakan penerbangannya berakhir di Laut China Selatan.

Tragedi yang menimpa kedua-dua pesawat Malaysia Airline itu memberi kesan yang mendalam kepada negara. Sehingga kini MH370 masih belum ditemui. Namun, bagi tragedi MH17 hampir kesemua mayat mangsa dari negara ini dan negara asal penumpang dapat disematkan dengan penghormatan negara masing-masing.

Berdasarkan laporan Berita Harian (22 Ogos 2014) pesawat khas yang membawa 17 keranda dan tiga bekas abu mayat yang berlepas dari Amsterdam pada 21 Ogos 2014 tiba di KLIA

pada pagi 22 Ogos 2014, yang telahpun diistiharkan sebagai Hari Perkabungan Negara oleh mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Antara upacara ‘Berkabung Negara’ yang dilakukan adalah apabila tepat jam 10.54 pagi, pintu van jenazah ke-20 ditutup, masyarakat bukan Islam diminta bertakafur selama seminit atau menghormati jenazah dengan cara tersendiri. Masyarakat Islam pula diminta untuk membaca surah al-Fatihah sebagai sedekah kepada mangsa MH17.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian yang dilakukan ini adalah susulan tragedi yang menimpa sebuah pesawat milik Malaysia Airlines System (MAS) terhempas dipercayai ditembak jatuh di timur Ukraine. Semasa mangsa nahtas MH17 sampai di negara ini, pihak media diminta menghormati perkabungan negara itu. Bagaimanapun, didapati terdapat beberapa perkara berkaitan perkabungan terutamanya membabitkan media cetak yang menonjolkan pelbagai kaedah dan perspektif yang berbeza.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk;

- i. Melihat paparan di muka hadapan surat khabar yang dikaji pada hari Perkabungan Negara.
- ii. Melihat kaedah dan perspektif media cetak bagi menjelaskan kefahaman mengenai perkabungan negara.

## **KEWARTAWAN MEDIA CETAK DI MALAYSIA**

Bidang kewartawanan di Malaysia dikatakan wujud di Pulau Pinang apabila *The Government Gazette* diterbitkan pada tahun 1806 oleh A. B. Bone. Ahmad Adam (1994) menyatakan bahawa Bone adalah seorang tukang lelong dan pencetak serta penerbitan akhbar. Pencetakan dan penerbitan akhbar yang dilakukan oleh Bone itu mendapat keizinan daripada kompeni Hindia Timur Inggeris.

Bidang kewartawanan di Malaysia diperluaskan lagi pada tahun 1833 apabila akhbar *The Pinang Gazette* mula diedarkan pada tahun itu. Pada tahun 1835, *The Singapore Free Press* ditubuhkan. Akhbar *The Straits Times* juga ditubuhkan sedekad kemudian iaitu pada tahun 1845. Bagaimanapun, syarikat akhbar ini memindahkan operasinya ke Kuala Lumpur selepas tahun 1957.

Menurut J. W. Birch (1880), akhbar pertama di Tanah Melayu adalah Jawi Pranakan, akhbar yang ditubuhkan pada penghujung 1876 dan mempunyai edaran sekitar kira-kira 250 naskhah setiap keluaran. Akhbar ini dijual pada harga 30 sen senaskhah dan menjadi bahan bacaan di kebanyakan sekolah di Tanah Melayu ketika itu. Birch juga mengatakan bahawa tujuan utama akhbar ini diterbitkan adalah bagi memberi berita terkini dari dalam dan luar negara kepada pembaca. Bagaimanapun, kebanyakan berita yang ditulis di akhbar ini menyentuh mengenai berita peperangan yang diterjemah daripada akhbar berbahasa Inggeris.

Ahmad Adam (1994) seterusnya menyatakan bahawa walau pelbagai pendapat menyatakan mengenai awal kewujudan akhbar di Tanah Melayu, dapat dijelaskan di sini bahawa kemunculan akhbar di Tanah Melayu mempunyai hubungkait persuratkhabaran di Kepulauan Melayu. Kemunculannya dikatakan seiring kehadiran orang-orang Eropah di Kepulauan Melayu pada masa itu.

Kemunculan bangsa penjajah turut memperkenalkan penggunaan pencetakan yang diterajui oleh mereka pada zaman itu. Tahun 1593 merupakan tahun perintis pertumbuhan awal persuratkhabaran apabila paderi Sepanyol bermazhab Domician menggunakan ‘cetak klise kayu’ bagi mencetak kitab soal-jawab agama dalam bahasa Sepanyol dan Taglog di Manila, Philipina.

Menurut Annabel Teh Gallop (1995) bibit kewartawanan Melayu dapat dilihat dalam terbitan misi (perwakilan dari sebuah negara ke negara lain untuk sesuatu tugas) atau masa kini dikenali sebagai duta negara asing:

*“Ada satu dua laporan berita dalam Bustan Arifin, misalnya laporan tentang kematian beberapa orang di Melaka akibat penyakit ketumbuhan (smallpox) pada Ogos 1821 dan Larangan pada Orang yang Mandi di Laut pada tahun 1821 (tiada ditemui bulan terbitan) tentang kematian dua orang di Melaka kebelakangan itu yang diserang ikan hiu ketika mandi di laut.”*

Annabel menambah, Munsyi Abdullah sering diberi julukan wartawan Melayu yang pertama, kerana tulisannya yang berbentuk laporan. Antaranya, Syair Kampung Gelam Terbakar dan Cerita darihal Haji Sabar Ali pada tahun 1851. Malah, Munsyi Abdullah juga dikatakan wartawan Melayu pertama yang membuat laporan berita mahkamah pertama dalam dunia kewartawanan Melayu apabila menulis mengenai pembunuhan seorang budak Arab bernama Aman, juga pada tahun 1851.

Pada awal penerbitan akhbar di Tanah Melayu, kebanyakannya mereka yang bertugas sebagai wartawan atau penulis terdiri daripada golongan cerdik pandai serta berpendidikan tinggi. Penulisan yang dihasilkan golongan ini begitu membantu golongan guru dan bahagian pendidikan untuk meningkatkan minat membaca serta mengurangkan kadar buta huruf terutamanya di kalangan masyarakat Melayu.

Pada masa itu, akhbar menjadi satu landasan atau tempat golongan muda dan berpendidikan menggunakan ilmu yang ada pada mereka untuk mendidik masyarakat. Ketika itu juga lahirlah pengarang seperti Munshi M. Ali Ghulam al-Hindi menerbitkan akhbar *Sekola Melayu* pada 1 Ogos 1888 di Singapura; Abduil Ghani bin Mohd Kassim menerbitkan *Jambangan Warta* pada Mei 1901 di Batu Gajah, Perak; serta beberapa tokoh pengarang terkenal iaitu Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin bersama Syed Sheikh bin Ahmad al-Hadi dan Haji Abas bin Muhammad Toha yang menerbitkan akhbar *Al-Imam* pada 22 Julai 1906 di Singapura. Kebanyakan akhbar pada awal penerbitannya sekitar 1888 hingga 1940-an, penerbitannya lebih berunsur Islam.

Kesan daripada penjajahan Jepun itu banyak menyedarkan masyarakat Melayu bahasa British semenangnya boleh ditewaskan serta kembalinya British ke Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah kepada tentera bersekutu pada 14 Ogos 1945 seolah-olah membuka semangat baru bagi golongan wartawan berjuang secara terbuka bersama masyarakat Melayu yang menuntut kemerdekaan daripada British. Perjuangan yang akhirnya mendatangkan hasil apabila Tanah Melayu diistiharkan merdeka pada 31 Ogos 1957.

Ibu negara Kuala Lumpur mula menjadi pusat penerbitan apabila Malaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Penghijrahan penerbitan secara besar-besaran dari Singapura ke Kuala Lumpur terutamanya akhbar utusan Melayu, *The Straits Times* dan lain-lain penerbitan dalam lain-lain bahasa turut serta berhijrah.

Penerbitan akhbar di negara ini semakin pesat berkembang selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Pada tahun 1963, terdapat 17 jenis akhbar diedarkan dalam Persekutuan Tanah Melayu (tiga bahasa Melayu; lima dalam bahasa Inggeris; lima dalam bahasa Cina dan empat dalam bahasa India). Utusan Melayu dan Warta Negara dicetak dalam tulisan jawi. Manakala, Berita Harian dicetak dalam tulisan rumi. Kesemua akhbar berkenaan dicetak di Kuala Lumpur kecuali Warta Negara yang dicetak di Pulau Pinang.

Akhbar harian dalam bahasa Inggeris iaitu *The Straits Times*, *The Malay Mail* dan *The Malayan Times* diterbitkan di Kuala Lumpur. Manakala, *The Straits Echo* dan *The Pinang Gazette* diterbitkan di Pulau Pinang.

Akhbar harian berbahasa Cina iaitu *The China Press* dan *The Nanyang Siang Pau* diterbitkan di Kuala Lumpur. Akhbar *The Sin Kwok Daily News* diterbitkan di Ipoh dan akhbar *The Kwong Wah Yit Poh* dan *The Sin Min Jit Poh* diterbitkan di Pulau Pinang.

Bagi akhbar harian dalam bahasa India iaitu *The Tamil Nesan* dan *The Desa Thoothan* yang ditulis dalam bahasa Tamil serta *The Malayan Samachar* (ditulis dalam bahasa Punjabi) diterbitkan di Kuala Lumpur. Hanya akhbar *The Sakthi* (dalam bahasa Tamil) diterbitkan di Pulau Pinang.

Hingga penyelidikan ini dihasilkan, surat khabar di Malaysia kebanyakannya berbentuk harian, mingguan, dwi-mingguan dan bulanan. Isi kandungannya boleh dinyatakan bagi memenuhi cita rasa khalayak pelbagai etnik, bersifat tempatan dan global. Turut disertakan maklumat ekonomi, politik, sosial, pendidikan, agama atau hiburan.

## **SEJARAH RINGKAS MEDIA YANG DIKAJI**

### **i) Utusan Malaysia**

Kewujudan Kumpulan Utusan bermula apabila ianya diperbadankan pada tahun 1938 di Singapura dengan nama Utusan Melayu Press Limited. Akhbar Utusan Melayu yang pertama dilancarkan pada 29 Mei 1939 dengan menggunakan tulisan jawi.

Awal kewujudannya, akhbar yang milik 100 peratus bumiputera ini terus menyentuh mengenai ekonomi, sosial dan politik orang-orang Melayu terutamanya. Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, beberapa bulan selepas itu iaitu Februari 1958, ibu pejabat Utusan Melayu berpindah ke Kuala Lumpur.

Pada tahun 1967, Akhbar ini seterusnya diperbadankan di bawah Akta Syarikat. Langkah yang dilakukan itu berjaya menyenaraikan syarikat ini di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur pada tahun 1994.

### **ii) Berita Harian**

Edisi pertama akhbar Berita Harian bermula pada tahun 1957 yang pada ketika itu mempunyai lapan orang kakitangan sahaja. Edisi sulung berkenaan memaparkan gambar

Tunku Abdul Rahman Putra menghiasi muka hadapannya. Awalnya, kandungan akhbar berkenaan sama dengan akhbar New Straits Times.

Pada tahun 1958, Abdul Samad Ismail dilantik sebagai pengarang pertama Berita Harian. Pelantikan itu mendorong akhbar berbahasa Melayu ini untuk terus berusaha menjadi akhbar perdana dengan imej tersendiri. Antaranya imej tersendiri yang ditonjolkan adalah melancarkan Berita Minggu pada 10 Julai 1960 dan ‘masthead’ baru diperkenalkan pada tahun 1966.

Tampuk pimpinan Berita Harian iaitu pengarangnya, hingga kini saling berganti dan setiap mereka membawa perubahan terutamanya membabitkan pengisian akhbar berkenaan. Contohnya, Abdul Wahab Zain (1972) sepanjang peranannya sebagai pengarang di Berita Harian menambah dua muka surat bagi memfokuskan kepada ekonomi, nota fotografi, tip menghadapi peperiksaan, hiburan, berita luar negara dan rencana umum.

Pengarang-pengarang yang pernah menerajui Berita Harian adalah Tan Sri A Samad Ismail (1958-1972); Abdul Wahab Zain (1972-1975); Datuk A Samad Said (1976-1977); Salim Kajai (1978-1983); Adibah Amin (1983-1984); Datuk Ahmad Sebi Abu Bakar (1984-1986); Datuk Abdul Kadir Jasin (1986-1988); Datuk Ahmad Nazri Abdullah (1988-1998); Datuk Ahmad Rejal Arbee (1998-2003); Datuk Hishamuddin Aun (2003-2006); Datuk Manja Ismail (2006-2009); Datuk Mior Kamarul Shahid (2009-Okttober 2013); dan Datuk Mahfar Ali (2013-kini)

### **iii) Sinar Harian**

Akhbar Sinar Harian diasaskan pada 31 Mac 2006 merupakan milik Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd. Ianya diterbitkan lima hari seminggu, iaitu Isnin hingga Jumaat atas nama syarikat Akhbar Cabaran Sdn Bhd dan beribu pejabat di Shah Alam untuk pasaran Semenanjung.

Awal penerbitannya adalah untuk pasaran negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Kelantan, Pahang, dan Terengganu. Kini, akhbar ini diedarkan di Selangor, Kuala Lumpur, Lembah Klang, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Perlis, Kedah, Johor dan Pulau Pinang. Kini, Sinar Harian memaparkan berita-berita semasa daerah, nasional, sukan, pelancongan, wanita dan luar negara.

### **iv) Harakah**

Akhbar yang diasaskan oleh divisyen maklumat Parti Islam Se-Malaysia (PAS) ini diasaskan pada tahun 1987. Ketika itu Dato' Mohammad Nakhaie Ahmad, dilantik sebagai Ketua Pengarang akhbar berkenaan. Hari ini, akhbar ini mempunyai halaman penulisan jawi, ruangan rencana dan turut diterbitkan di laman sesawang iaitu Harakahdaily.net. Penerbitan Harakah dihadkan kekerapannya daripada dua kali seminggu kepada dua kali sebulan pada Mac 2000 dan tidak boleh dijual secara terbuka. Bagaimanapun selepas Pakatan Rakyat menguasai 5 negeri pada Mac 2008, Harakah dibenarkan untuk diterbitkan semula 2 kali seminggu sehingga kini.

### **v) The Star**

Akhbar ini merupakan akhbar harian berbahasa Inggeris yang terkenal di Malaysia dan kerap mempunyai jumlah pembaca yang tinggi. Kerap melebihi 300,000 pembaca sehari. Menurut Audit Bureau of Circulations, akhbar ini ahli kepada Asia News Network iaitu rangkaian 21 kumpulan media di Asian. Saham akhbar The Star dimiliki oleh Persatuan Cina Malaysia (MCA) iaitu parti komponen kedua terbesar dalam Barisan Nasional.

## HASIL KAJIAN

Akhbar yang dikaji mengenai kajian ini adalah Berita Harian, Utusan Malaysia, Sinar Harian, Harakah dan The Star. Pemerhatian yang dilakukan hanya membabitkan muka hadapan iaitu membabitkan tajuk utama, kapsyen, gambar serta iklan.

Pemerhatian terhadap kelima-lima akhbar berkenaan mendapat persamaan mengikut kefahaman organisasi media berkenaan.

1. **Warna:** Semua surat khabar memaparkan berita dan gambar muka hadapan dengan hitam putih daripada warna asal kecuali akhbar Harakah.
2. **Tajuk (headline)** ringkas tetapi menyentuh perasaan seperti ‘Air Mata MH17’, ‘They are home’, dan ‘Malaysia Berkabung’.
3. **Gambar:** menggunakan gambar-gambar menggambarkan kesedihan seperti gambar juruterbang MAS, Nizam Ahmad menangis sambil mendukung seorang daripada anak mangsa, berusia 8 bulan, dan gambar anggota keluarga mangsa yang bersedih pada majlis pengebumian mangsa MH17.

Jadual 1 berikut menjelaskan secara ringkas tentang hasil analisa utama muka hadapan akhbar yang dikaji.

**Jadual 1: Komponen Muka Hadapan Akhbar dikaji Semasa Hari Perkabungan Negara (22 Ogos 2015)**

Jenis Akhbar	Warna	Tajuk Utama	Kapsyen	Gambar	Iklan
1. Berita Harian	Hitam putih	1. Malaysia Berkabung	1. Al-Fatihah: Bersatu dalam doa	1. Gambar ‘Jalur Gemilang’ dikibarkan separuh tiang.	Tiada iklan
2. Utusan Malaysia	Hitam putih	1. Penghormatan Negara: Berkabung, bertakafur 2. Disertakan nama 20 penumpang dan anak kapal pesawat MH17 (jenayah/mendiang) yang tiba di Kompleks Bunga Raya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).	1. Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya, Abdul Manaf Mat mengimamkan solat jenazah sebahagian daripada mangsa tragedi pesawat MH17 di Rumah Mayat Monute Ineeme, S-Gravanhage, Belanda sebelum diterbangkan ke Kuala Lumpur menggunakan pesawat khas Malaysia Airlines, semalam - Bernama  2. Maklumat berkaitan Hari Perkabungan Negara: i. 20 jenazah mangsa insiden MH17 tiba hari ini, yang diisyiharkan Hari Perkabungan Negara. ii. Pesawat khas yang membawa kumpulan	1. Gambar Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya, Abdul Manaf Mat mengimamkan solat jenazah sebahagian daripada mangsa tragedi pesawat MH17 di Rumah Mayat Monute Ineeme, S-Gravanhage, Belanda.  2. Gambar ruangan Senyum Kambing. Dialog: Penghormatan negara buat penumpang, kru MH17; Takziah.  3. Gambar kolumn Mega: Penghormatan terakhir: DI DALAM.  4. Waktu Solat	Tiada iklan

			<p>pertama jenazah itu berlepas dari Amsterdam pukul 9.15 malam (waktu Malaysia) dan dijangka tiba di KLIA pukul 9.55 pagi ini.</p> <p>iii. 11 jenazah adalah penumpang, sembilan lagi anak kapal.</p> <p>iv. istiadat di KLIAdisertai Yang di-Pertuan Agong, PM dan menteri Kabinet.</p> <p>v. 17 jenazah dalam keranda, tiga dalam bekas abu.</p> <p>vi. Apabila semua jenazah selesai dibawa turun, bertafakur 1 minit.</p> <p>vii. Waktu bertafakur antara pukul 10.30 dan 11.15 pagi ini.</p> <p>viii. Lima jenazah diterbangkan pesawat ATM ke Kuching, 3 ke Ipoh, 2 ke Segamat.</p> <p>ix. Semua masjid diminta adakan solat jenazah ghaib.</p> <p>x. 2 lagi jenazah rakyat Malaysia dikenal pasti, kini 30 orang.</p> <p><b>BERITA PENUH DI MUKA 3-6 &amp; 10</b></p>		
3. Sinar Harian	Hitam putih	'Malaysia Berkabung'.	<p>1. Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya, Abdul Manaf Mat mengimamkan Solat Jenazah dan dibantu oleh pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) yang bertanggungjawab menguruskan jenazah muslim di Rumah Mayat Monute Ineeme, S-Gravanhage, semalam. Majlis dihadiri waris, pelajar Malaysia di Belanda dan pegawai kerajaan. Empat jenazah yang</p>	<p>1. Gambar solat jenazah yang dilakukan di Rumah Mayat Monute Ineeme.</p> <p>2. Gambar sebuah kapal terbang MAS</p> <p>3. Gambar kecil Komander Al-Qassam maut.</p> <p>4. Gambar kecil (poster) berkaitan Hari Koperasi Negara</p>	Tiada iklan

			disembahyangkan terdiri daripada satu lelaki dan tiga wanita – foto Bernama.		
4.Harakah (22-24 Ogos 2014)	Berwarna	Tak Bercanggah Majlis Syura: Keputusan Jawatankuasa PAS Pusat 17 Ogos lalu selari dengan ketetapan Majlis Syura Ulama PAS yang bermesyuarat 6 Ogos, berhubung isu penggantian Menteri Besar Selangor. Tiada yang bertentangan Majlis Syura dan Mursyidul Am PAS menyokong keputusan ini setelah dijelaskan Presiden dan Setiausaha Agung PAS DI Kota Bharu.	1. Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Dato'Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang menjadi tumpuan media di Kota Darul Naim, 18 Ogos lalu sejurus selepas Presiden PAS dan Setiausaha Agung, Dato' Mustafa Ali mengunjungi Mursyidul Am PAS itu bagi menerangkan perjalanan Mesyuarat Khas Jawatankuasa PAS pusat, 17 Ogos lalu dan memberitahu keputusan yang dicapai dalam menangani krisis Menteri Besar Selangor.	1. Gambar Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Dato'Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang menjadi tumpuan media.  2. Gambar kecil ruangan ‘Songkok & Lebai’ Dialog: Keputusan PAS kejutkan UMNO: Punah mereka nak rampas Selangor.  3. 4 gambar kecil untuk kolumn utama.	Berwarna
5. The Star	Hitam putih	1. 'They are home'.  2. Latest update: A minute's silence anytime from 1030-1115.	1. The remains of 20 of the 43 Malaysians on board Malaysia Airlines Flight MH17 are finally on home soil. the plane ferrying the first batch of the remains left Amsterdam at 9.40pm yesterday and landed at the KL International Airport this morning. The caskets were placed in hearses to be taken to their final resting places. And a grieving Malaysia fell silent for a minute. See reports on Pages 2 to 7.  2. They lived, and they were loved – A Special pullout inside.	Gambar wajah 20 mangsa MH17 yang tiba pada hari itu.	Tiada iklan

## KESIMPULAN

Kesemua akhbar yang dikaji kecuali akhbar Harakah didapati berkabung semasa “Hari Perkabungan Negara” pada 22 Ogos 2014 lalu. Kaedah pengkabungan yang ditonjolkan oleh akhbar-akhbar berkenaan jelas penggunaan warna hitam putih, tanpa iklan, penggunaan gambar serta kapsyen secara umumnya sesuai dalam konteks Negara Berkabung.

Kesemua akhbar yang dikaji didapati jelas berkabung kecuali Harakah. Bagaimanapun, tidak menggambarkan bahawa akhbar berkenaan tidak menurut arahan pihak berkenaan untuk berkabung pada tarikh yang ditetapkan. Oleh kerana akhbar ini diterbit dua kali dalam seminggu iaitu pada setiap Isnin dan Jumaat maka kebiasaanya mereka telah mempunyai bahan kandungan yang telah ditetapkan, dan akhbar ini juga dipercayai telah dicetak lebih awal dan diedarkan untuk terbitan bertarikh 22 hingga 24hb Ogos. Jika diteliti pada tajuk utama muka hadapannya (rujuk jadual 1) adalah berkisar tentang Keputusan Jawatankuasa PAS Pusat yang diadakan pada 17 Ogos. Oleh yang demikian tidak mustahil bahawa berita berkaitan Hari Perkabungan Negara dilaporkan pada keluaran yang berikutnya.

Kesemua kecuali Harakah didapati turut mengutamakan kreativiti semasa penyampaian maklumat yang diperolehi untuk disampaikan kepada khalayak walaupun hanya warna hitam putih ditonjolkan di muka hadapan akhbar yang dikaji. Kreaviti penyampaian dilihat berupaya menarik perhatian khalayak atau pembeli akhbar pada hari Perkabungan Negara berkenaan.

Tiada iklan di muka surat hadapan juga menggambarkan pada hari berkenaan, akhbar-akhbar yang dikaji tidak mengutamakan iklan yang merupakan sumber pendapatan utama. Namun memberi keutamaan penghormatan terhadap mangsa-mangsa tragedi MH17. Usaha yang dilakukan ini menunjukkan bahawa akhbar-akhbar yang dikaji mengutamakan sensitiviti dan keharmonian pelbagai agama dan kaum di Malaysia melalui “Perkabungan Negara” berbanding keuntungan daripada kutipan iklan pada hari berkenaan.

Kajian yang dilakukan ini bagaimanapun hanyalah sebahagian kecil daripada isu perbincangan mengenai kandungan laporan media cetak semasa Hari Perkabungan Negara. Kajian seterusnya akan menimbangkan untuk menemubual pengurusan atau editor akhbar Harakah dan lain-lain akhbar yang dikaji bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas.

## RUJUKAN

- A Samad Ismail. (1993). Memori di Singapura. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- H. M. Tuah Iskandar. (1997). Mengislamisasikan Komunikasi Warta. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ismail Hussein, A. Aziz Deraman, & Abd. Rahman Al-Ahmadi. (1995). Tamadun Melayu (jilid lima). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Jeniri Amir. (2005). Belajar Menjadi Wartawan, terbitan PTS Professional Publishing Sdn Bhd. Pahang.
- Mazlan Nordin. (2009). Tokoh dan Akhbar Melayu: Penebus Peminggiran Melayu. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

- Memori Pak Sako. (1997). Memori Gunung Tahan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Rodziyah Nyan. (2009). Akhbar Saudara: Pencetus kesedaran masyarakat Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Sulaiman Masri & Razali Ayob. (2002). Komunikasi Kewartawanan: Penulisan berita, rencana dan ulasan. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Lutfi Othman (6 Jun 2007). "Bersama Harakah hadapi pilihan raya ke-12, HarakahDaily
- G. Manimaran (24 Jun 2008). "Harakah dibenar terbit semula 2 kali seminggu". mStar Online.
- Berita Harian. 22 Ogos 2014. The New Straits Times Press (M) Bhd. Kuala Lumpur.
- Utusan Malaysia. 22 Ogos 2014. Kumpulan Utusan Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
- Sinar Harian. 22 Ogos 2014. Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd. Selangor.
- The Star. 22 Ogos 2014. The Star Publication (M) Berhad. Kuala Lumpur.
- Harakah. 22 Ogos 2014. Parti Islam Se-Malaysia. Kuala Lumpur.
- [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)
- [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)
- [www.thestar.com.my](http://www.thestar.com.my)
- [www.harakahdaily.net](http://www.harakahdaily.net)
- [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)
- [www.bernama.com](http://www.bernama.com)
- [www.borneopost.com](http://www.borneopost.com)
- [www.wikipedia.org](http://www.wikipedia.org).